# Ekspo Pertanian, Pesta Konvokesyen UPM kembali lagi

**KUALA LUMPUR 4 Okt.** - Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen yang sarat pelbagai aktiviti berkaitan pertanian serta penternakan kembali lagi bersempena dengan Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) tahun 2018.

Ekspo dan pesta tersebut yang menjadi tumpuan setiap kali berlangsungnya Majlis Konvokesyen UPM bakal berlangsung dari 25 hingga 31 Oktober ini di UPM, Serdang.

Apa yang menarik mengenai ekspo tersebut, selain mempromosikan program pengajian ditawar di UPM, turut menjadi tumpuan ialah demonstrasi pertanian.

Melalui demonstrasi ini, pengunjung akan didedah mengenai teknik tanaman pokok yang betul, proses produk pertanian, penanaman cendawan, membuat keju dan sebagainya.

Ini termasuklah penjualan produk-produk pertanian iaitu benih sayur-sayuran, buah-buahan seperti durian Musang King, tanaman orkid dan lain-lain tanaman hiasan. Baja turut dijual.

Selain itu, yang menarik sudah tentunya pameran dan pertunjukan haiwan ternakan dan rekreasi dengan pengunjung berpeluang memberi makanan kepada rusa serta menunggang kuda.

Bagi kanak-kanak pula, tarikan istimewa disediakan iaitu pameran anak ayam berwarna-warni.

Menerusi ekspo itu juga, pengunjung boleh membeli pelbagai jenis daging meliputi lembu, kambing, malah rusa.

